


Headline **Lawan Rasa Gayat**
Date **14 Jul 2011**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Kosmo 2**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **29to31**
Article Size **2422 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **21,058**
PRValue **63,175**



Horizon
LIBURAN Hujung Minggu

KHAMIS 14 JULAI 2011

TUNISIA CUBA BANGKIT
SELEPAS REVOLUSI **32**

RUMAH NOSTALGIA
P. RAMLEE **34**

**Lawan
Rasa Gayat**

Headline **Lawan Rasa Gayat**
 Date **14 Jul 2011**
 MediaTitle **Kosmo**
 Section **Kosmo 2**
 Journalist **N/A**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
 Page No **29to31**
 Article Size **2422 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **21,058**
 PRValue **63,175**

30 Horizon

KOSMO! 2 KHAMIS 14 JULAI 2011



PELBAGAI jenis ujian dan cabaran ternyata menguji mental dan fizikal para peserta.

BIARPUN gayat dan 'menakutkan' kepuasan jelas dirasakan para peserta sebaik sahaja menghabiskan satu-satu cabaran.

BERGAYUT umpama Tarzan mungkin menjadi pengalaman yang seronok dan tidak akan dilupakan.

Terjatuh kalau gopoh melangkah

Rekreasi lasak Skytrex Adventure mengajak orang ramai menikmati keindahan alam seiring debaran melalui titian berhayun dari ketinggian yang menakutkan.

Oleh **AMMAR JAZLAN MAD LELA**
 ammar.jazlan@kosmo.com.my

ELAKI itu mengakui adanya berdegup kencang. Sesekali tangannya menyeka peluh jantan yang mula mengalir ke dahinya. Affendy Abdullah, 27, sedikit gementar. Maklumlah, ia merupakan pengalaman pertamanya mencuba aktiviti pengembaraan di atas pokok dikenali sebagai Skytrex Adventure.

Walaupun sudah biasa menggunakan harness atau abah-abah, carabiner dan pulley ketika melakukan aktiviti memanjat tembok di sekitar Putrajaya sebelum ini, cabaran yang dilaluinya kali itu nyata berbeza.

Pengembaraan kategori ekstrem tersebut memerlukan mereka melepasi 34 jenis halangan yang disediakan dalam tempoh dua hingga tiga jam.

Lebih menambah cabaran, kesemua cabaran seperti Zig Zag Bridge, Sky Bridge, Slack Track, The Quake, Thrilling Trunk, Wild Rocket dan Flying Fox dilakukan pada ketinggian 20 hingga 23 meter dari permukaan tanah.

"Pastikan carabiner disangkut di tali penanda yang disediakan di setiap platform. Ambil masa ketika melakukan setiap halangan, jangan tergo-poh-gapah.

"Ingat, keselamatan diri adalah paling penting semasa berada di atas nanti," kata-kata seorang petugas semasa sesi taklimat keselamatan dan demonstrasi sebelum itu seakan-akan terngiang-ngiang di telinganya.

Tanpa membuang masa, jurutera reka bentuk di sebuah syarikat antarabangsa itu memulakan aksinya. Satu-persatu halangan yang terhidang ditempuh dengan berhati-hati. Perasaan gementarnya mula berkurangan malah dia semakin seronok.

Selain menjalani aktiviti itu, dia juga terpesona melihat pokok-pokok yang menjulang tinggi di sekitar Taman Botani Negara Shah Alam (TBNSA) atau dulunya lebih dikenali sebagai Taman Pertanian Malaysia Bukit Cahaya Seri Alam itu.

"Sebelum ini saya hanya berpeluang melihat aktiviti ini di kaca televisyen. Apabila sudah mencubanya sendiri barulah saya tahu ia tidaklah semudah yang disangkakan.

"Perasaan gayat, gementar, penat, teruja semua bercampur-baur semasa berada di atas platform, lebih-lebih lagi apabila menoleh ke bawah," katanya yang menetap di Gombak, Kuala Lumpur.

Ujian mental

Affendy yang baru pertama kali berkunjung ke TBNSA berkata, adventur tali tinggi itu mendesak adrenalin kerana ia melibatkan ketinggian, kepantasan dan ujian mental serta tenaga tubuh.

"Aktiviti ini sangat mengujakan. Peserta sengaja diuji dengan halangan berbeza-beza pada tahap awal dan penghujung pengembaraan. Biarpun kepenatan, saya cukup teruja melakukannya," ujarnya yang turut meraikan sambutan hari keluarga syarikatnya di taman itu.

Terletak di kawasan seluas 10 hektar, Skytrex Adventure merupakan merupakan lokasi pertama di negara ini yang menyediakan perkhidmatan eko-rekreasi merentasi halangan ketinggian.

Tidak hairanlah, sejak beroperasi sekitar tahun 2007, ia menjadi tarikan utama pengunjung-pengunjung ke TBNSA selain daripada aktiviti berbasikal, memancing dan beriadah di kawasan hutan seluas 817 hektar itu.

Pengarah Urusan Skytrex Adven-

ture Sdn. Bhd., Azlan Idrus berkata, terdapat tiga kategori pakej yang ditawarkan kepada pengunjung ke situ bermula dari Little Adventure, Big Thrill dan Extreme Challenge dengan bayaran antara RM35 hingga RM50.

Azlan menambah, setiap cabaran yang disediakan pada setiap laluan mempunyai darjah kesukaran berbeza-beza pada ketinggian antara tiga hingga 23 meter.

"Disebabkan itu, peserta perlu berada dalam keadaan berjaga-jaga dan berwaspada ketika melakukan setiap cabaran dan halangan.

"Pengembaraan yang dilalui adakalanya memerlukan peserta berdiri, memanjat, berjalan, bergayut dan melakukan pelbagai pergerakan tubuh. Di sinilah ketangkasan dan kekuatan mental dan fizikal mereka diuji," jelasnya.



RADUAN RIZAL

PETUGAS Skytrex Adventure memberi tunjuk ajar kepada para peserta sebelum mereka memulakan cabaran.

Headline **Lawan Rasa Gayat**
 Date **14 Jul 2011**
 MediaTitle **Kosmo**
 Section **Kosmo 2**
 Journalist **N/A**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
 Page No **29to31**
 Article Size **2422 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **21,058**
 PRValue **63,175**



TAKLIMAT dan demonstrasi keselamatan meningkatkan keyakinan dan semangat para peserta.



KEMUDAHAN lokar untuk penyimpanan barang turut disediakan.



info

Skytrex Adventure

- Dibuka secara rasmi pada tahun 2007.
- Terdapat tiga cabaran utama iaitu Little Adventure, Big Thrill dan Extreme Challenge.
- Little Adventure mempunyai 23 laluan dari tahap mudah ke sukar termasuk merentas tasik.
- Big Thrill mempunyai 26 laluan pada ketinggian 17 meter manakala Extreme Challenge 34 laluan pada ketinggian sehingga 23 meter.
- Pengangkutan bas disediakan bagi pengunjung ke lokasi.
- Tapak lokasi menyediakan kemudahan tandas, lokar, sewaan kasut dan stoking serta ruang khas Skydeck untuk majlis hari jadi atau hari keluarga.
- Kumpulan yang berminat menyertai aktiviti ini perlu membuat tempahan lebih awal terlebih dahulu.
- Untuk maklumat lanjut, sila layari www.skytrex-adventure.com

LAPANGAN ekstrem Skytrex Adventure sering menjadi kunjungan peserta yang datang secara berkumpulan.



PERALATAN dan kelengkapan keselamatan perlu dipasang dengan teliti agar dapat mengelakkan risiko yang tidak diundang.



ANTARA peralatan keselamatan yang wajib dipakai oleh peserta sepanjang mengikuti aktiviti lasak Skytrex Adventure.



FAKTOR gender tidak menjadi halangan bagi sesiapa yang mahu mencuba cabaran yang disediakan.

◀ Laluan kecemasan

Di samping itu, peserta yang tidak mahu meneruskan cabaran berikutnya boleh menarik diri dengan menggunakan beberapa laluan kecemasan yang disediakan dikenali sebagai Chi-chen Exit.

"Namun begitu, peserta tidak perlu panik atau bimbang sekiranya berlaku sebarang kecemasan kerana terdapat petugas yang sentiasa mengawasi di atas dan di bawah platform untuk mengawasi pergerakan dan memberi pertolongan sekiranya perlu," katanya.



AFFENDY



AZLAN



FAIZAL

Azlan menjelaskan, usaha mempopularkan aktiviti itu di negara ini tercetus ketika dia dan salah seorang pengasas Skytrex Adventure, Julien Replien berucap di Perancis ketika mereka menuntut di Universiti Hull, United Kingdom sekitar penghujung tahun 90-an dahulu.

Di sana, katanya, terdapat lebih 500 taman eko-rekreasi seumpama itu yang sering menjadi tumpuan pengemar-pengemar sukan lasak dan ekstrem dari sekitar Eropah.

"Namun, selepas pulang ke Malaysia saya mendapat tawaran bekerja sebagai pegawai undang-undang di sebuah syarikat pertoleum terkemuka menyebabkan impian itu terpaksa dipendamkan seketika.

"Hanya sekitar tahun 2007, barulah ia dapat direalisasikan. TBNSA dipilih kerana ia strategik dan menjadi tumpuan warga Lembah Klang di samping keindahan alam semula jadinya yang unik dan kekal terpelihara," katanya.

Jelas Azlan, pihaknya bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi menentukan jenis pokok yang sesuai digunakan. Pokok-pokok itu perlu dipaparkan jenis dan ketahanannya agar selamat untuk kerja-kerja mengikat kabel dan pembinaan platform.

Antara pokok-pokok yang diguna-

kan setakat ini, kata Azlan ialah dari jenis meranti, kempas dan jelutong.

Sijil keselamatan

Berbicara tentang soal keselamatan, Azlan menjelaskan telah mendapatkan sijil khas yang dikeluarkan oleh sebuah badan antarabangsa, Apave, untuk menilai semua aspek teknikal seperti tahap ketahanan, keselamatan dan kepatuhan syarat-syarat tertentu.

"Pada masa yang sama, pemantauan secara berkala turut dilakukan secara harian dan bulanan bagi memastikan peralatan seperti tali, kabel dan alat keselamatan berada di dalam keadaan baik dan selamat.

"Malah, kami turut mewajibkan setiap peserta mengisi borang pengisytiharan diri dan menjalani sesi taklimat dan demonstrasi keselamatan

yang disediakan di samping memakai kasut dan pakaian yang sesuai sebelum membenarkan mereka mencuba aktiviti ini," katanya.

Bagi seorang peserta, Faizal Hasan, 27, cabaran yang disediakan sesuai untuk semua peringkat umur, dari peringkat kanak-kanak sehinggalah dewasa.

"Ia bukan sekadar aktiviti lasak semata-mata, sebaliknya direka untuk turut menguji keberanian, memupuk

semangat kerjasama dan keyakinan diri seseorang.

"Di samping keseronokan beraktiviti, peserta juga dapat melepaskan tekanan apabila menikmati keindahan alam semula jadi yang ditawarkan di sini. Pengalaman ini pasti akan mereka ingati," katanya.

Sementara itu, Mohd. Arshad Lateh, 47, yang telah mencuba cabaran itu memberitahu, Skytrex Adventure menjadi tarikan kepada pengunjung ke TBNSA selain tarikan sedia ada seperti Taman Haiwan, Rumah Iklim Empat Musim, Kolam Pancing dan tapak sukan paintball.

Menurutnya, aktiviti itu mampu mengeratkan hubungan kekeluargaan, sama seperti aktiviti perkelahan atau mengunjungi destinasi percutian lain yang sering dilakukannya sekeluarga.

"Apabila anak-anak ini melihat kita turut sama beraktiviti dengan mereka, secara tidak langsung mereka akan rasa lebih dekat dengan kita seterusnya membuka ruang untuk berinteraksi," katanya.